



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
AKAUN NEGARA PERANGKAAN STOK MODAL 2022**

Pelaburan terkumpul aset tetap negara meningkat 2.8 peratus pada tahun 2022, merekodkan nilai RM5.4 trilion

PUTRAJAYA, 5 Oktober 2023 – Stok Modal Kasar (SMK) yang merujuk kepada pelaburan terkumpul aset tetap negara meningkat kepada 2.8 peratus kepada RM5.4 trilion pada tahun 2022. Manakala, Stok Modal Bersih (SMB) yang menggambarkankekayaan ekonomi Malaysia merekodkan RM3.4 trilion menurut **Perangkaan Stok Modal 2022**. Statistik Stok Modal disusun dan diterbitkan mengikut jenis aktiviti ekonomi dan jenis aset.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “SMB bertumbuh 2.4 peratus pada tahun 2022 berbanding 1.8 peratus pada tahun sebelumnya. Ini sejajar dengan pemulihan Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) yang pulih kepada 6.8 peratus pada tahun 2022 berbanding penurunan marginal 0.8 peratus pada tahun sebelumnya. Secara keseluruhan, kesemua sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan positif kecuali Perlombongan & pengkuarian yang menyusut marginal 0.02 peratus, lebih baik daripada negatif 0.3 peratus pada tahun sebelumnya.”

Mengulas lanjut mengenai prestasi SMB mengikut jenis aktiviti ekonomi, nilai aset tetap dalam sektor Perkhidmatan adalah yang terbesar berbanding aktiviti ekonomi lain dengan nilai RM2.3 trilion dan menyumbang 68.6 peratus pada tahun 2022. Sektor ini bertumbuh 3.0 peratus disokong oleh peningkatan bagi aktiviti Perdagangan borong dan runcit, Makanan & minuman dan penginapan dan Utiliti masing-masing mencatatkan 7.5 peratus, 7.3 peratus dan 7.1 peratus.

SMB bagi sektor Pembuatan berjumlah RM395.2 bilion, berkembang 2.7 peratus (2021: 1.5%) didorong oleh subsektor Pembuatan makanan, minuman dan tembakau meningkat 6.1 peratus (2021: 4.1%). Ini diikuti oleh Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka meningkat kepada 3.0 peratus (2021: 1.0%) dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik, 2.9 peratus berbanding 1.9 peratus pada tahun 2021.

Selain itu, stok modal bersih bagi sektor Pembinaan bertumbuh 3.4 peratus daripada 3.5 peratus pada tahun sebelumnya, manakala stok modal bersih bagi sektor Pertanian bertumbuh sederhana, 0.6 peratus daripada 0.9 peratus pada tahun 2021. Pertumbuhan yang sederhana bagi SMB sektor Pertanian ini adalah selari dengan prestasi pelaburan aset tetap bagi sektor Pertanian yang menunjukkan penurunan 8.9 peratus (2020) dan 3.8 peratus pada 2021 serta sedikit peningkatan sebanyak 0.2 peratus pada tahun 2022.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Perolehan aset tetap mengikut jenis aset diterajui oleh Struktur yang menyumbang 80.9 peratus dan merekodkan pertumbuhan 2.7 peratus pada 2022 (2021: 2.5%). Ini diikuti oleh aset Jentera & peralatan dengan sumbangan 10.9 peratus, menunjukkan peningkatan 1.5 peratus berbanding penyusutan 1.9 peratus pada tahun sebelumnya. Sementara itu, Aset lain menyumbang 8.1 peratus dengan pertumbuhan 0.7 peratus pada tahun 2022. Komposisi aset Malaysia adalah sama dengan negara-negara lain, seperti Korea Selatan dan Singapura."

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) menekankan matlamat meningkatkan daya tahan ekonomi untuk pertumbuhan mampan melalui peningkatan produktiviti. Pertumbuhan produktiviti boleh dicapai melalui peningkatan pengeluaran. Ia penting bagi kerajaan memberi tumpuan kepada pelaburan dalam aset tetap yang menyumbang kepada lonjakan produktiviti.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
5 OKTOBER 2023**

LAMPIRAN

Carta 1: Perubahan Peratusan Tahunan SMB dan PMTK pada Harga Malar (2015=100), 2015-2022



Carta 2: SMB - Nilai dan Perubahan Peratusan Tahunan pada Harga Semasa dan Harga Malar 2015



Nota: Berdasarkan kepada Measuring Capital OECD Manual 2001, anggaran stok modal memberikan maklumat mengenai stok modal yang wujud dalam sebuah ekonomi pada satu masa tertentu. Stok modal terdiri daripada semua aset tetap seperti mesin, peralatan, bangunan dan struktur lain yang digunakan oleh perusahaan untuk memberikan input perkhidmatan modal ke dalam proses pengeluaran. Ini adalah salah satu input dalam proses pengeluaran yang dapat digunakan untuk menganggarkan potensi output masa hadapan. Terdapat tiga ukuran stok modal yang berbeza: kasar, bersih dan produktif.



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
CAPITAL STOCK STATISTICS 2022**

The country's accumulated fixed asset investment rose 2.8 per cent in 2022, registering a value of RM5.4 trillion

PUTRAJAYA, 5th October 2023 – The Gross Capital Stock (GKS), which refers to the accumulated investment in the country's fixed assets, increased by 2.8 per cent to RM5.4 trillion in 2022. Meanwhile, the Net Capital Stock (NKS), which symbolized the Malaysia's economic wealth, registered RM3.4 trillion according to **Capital Stock Statistics 2022**. Capital Stock Statistics are compiled and published based on economic activity and the type of asset.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “NKS grew by 2.4 per cent in 2022, compared to 1.8 per cent in the previous year. This is in line with the recovery of Gross Fixed Capital Formation (GFCF), which rebounded to 6.8 per cent in 2022, after a marginal decrease of 0.8 per cent in the previous year. Overall, all economic sectors recorded positive growth except for Mining & quarrying, which experienced a marginal 0.02 per cent contraction, an improvement from the previous year's negative 0.3 per cent.”

Further elaborating on NKS performance by kind of economic activity, the value of fixed assets in the Services sector was the highest among other economic activities, with a value of RM2.3 trillion, which contributed 68.6 per cent in 2022. This sector accelerated to 3.0 per cent supported by increases in Wholesale and retail trade, Food & beverages and accommodation and Utilities activities, which recorded 7.5 per cent, 7.3 per cent and 7.1 per cent growth, respectively.

NKS for the Manufacturing sector amounted to RM395.2 billion and expanded by 2.7 per cent (2021: 1.5%), driven by the subsector of Food, beverages and tobacco which increased 6.1 per cent (2021: 4.1%). This was followed by Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products, which rose to 3.0 per cent (2021: 1.0%) and Petroleum, chemicals, rubber & plastic products, which grew by 2.9 per cent compared to 1.9 per cent in 2021.

Furthermore, net capital stock in the Construction sector grew to 3.4 per cent from 3.5 per cent in the preceding year, while net capital stock in the Agriculture sector moderated to 0.6 per cent from 0.9 per cent in 2021. The moderation of NKS in the Agriculture sector is in line with the performance of fixed assets investment in the Agriculture sector, which showed a decline of 8.9 per cent (2020) and 3.8 per cent in 2021, followed by a slight increase of 0.2 per cent in 2022.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "The acquisition of fixed assets by asset type, led by Structure, contributed 80.9 per cent and recorded a growth of 2.7 per cent in 2022 (2021: 2.5%). This was followed by Machinery & equipment assets, which contributed 10.9 per cent, indicating an increase of 1.5 per cent compared to a decline of 1.9 per cent in the previous year. Meanwhile, Other assets accounted for 8.1 per cent with a growth of 0.7 per cent in 2022. Malaysia's asset composition is similar to those of other countries, such as South Korea and Singapore."

The 12th Malaysia Plan (12MP) emphasizes the goal of improving economic sustainability to achieve sustainable growth through increased productivity. Productivity growth can be achieved by increasing output. It is imperative that the government could encourage investment in fixed assets that can contribute to productivity growth.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
5th OCTOBER 2023**

APPENDIX

Chart 1: Annual Percentage Change of SMB and GFCF at Constant 2015 Prices, (2015 = 100), 2015 - 2022





Chart 2: NKS – Value and Annual Percentage Change at Current and Constant (2015 = 100)



Notes: Based on Measuring Capital OECD Manual 2001, capital stock estimates provide information about the stock of capital available in an economy at a point in time. Capital stock consists of all fixed assets such as machinery, equipment, building and other structures used by enterprises to provide inputs of capital services into processes of production. It is one of the inputs in the output process that can be used to estimate future potential output. There are three different measures of capital stock: gross, net and productive.